

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

**TAJUK : BAYARAN ELAUN KERJA DI LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB)
 BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR
 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKA SURAT : 1/7

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	<p>Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Pakar</p>	<p>Bayaran EKLWBB dibuat menghargai pengorbanan dan dedikasi pegawai perubatan yang memikul tanggungjawab tambahan dengan bekerja secara berterusan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada pesakit tidak terjejas.</p> <p>TAKRIFAN</p> <p>PEGAWAI</p> <p>Seorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara sementara atau sangkut tidak termasuk pegawai yang berkhidmat di luar negeri.</p> <p>GRED</p> <p>Gred Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2002.</p> <p>Pegawai yang memilih tidak menerima Sistem Saraan Malaysia boleh terus mengemukakan tuntutan elaun,kemudahan dan bayaran di bawah perkeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) / Kumpulan gaji masing-masing di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan.</p> <p>PEGAWAI PERUBATAN</p> <p>Seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan bagi maksud Perintah-perintah Am 6 dan 32 termasuk seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian yang berkhidmat dengan sebarang Hospital Universiti atau Angkatan Tentera Malaysia.</p>	<p>Surat Pekeliling Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 2 Tahun 1998 bertarikh 24/12/98</p> <p>Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 20 Tahun 2010</p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN ELAUN KERJA DI LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB) BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 2/7

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Pakar	<p>PEGAWAI PERUBATAN PAKAR</p> <p>Seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia mempunyai kelayakan-kelayakan ilmiah atau ikhtisas yang diakui serta pengalaman-pengalaman yang memuaskan hati Ketua Pengarah Kesihatan.</p> <p>TEMPAT BERTUGAS</p> <p>Bermakna tempat yang diarah untuk bertugas di luar waktu bekerja biasa di dalam negeri sahaja.</p> <p>ELAUN KERJA LUAR WAKTU BEKERJA BIASA</p> <p>Kerja-kerja luar waktu bekerja biasa adalah bermaksud kerja-kerja yang dijalankan di luar waktu bekerja yang ditetapkan kepada seorang pegawai (waktu bekerja biasa atau giliran) iaitu bagi maksud untuk menjalankan tugas-tugas rasmi seseorang pegawai yang berkaitan dengan tugas rasmi jawatannya. Kerja-kerja yang berkaitan dengan tugas rasmi jawatannya. Kerja-kerja yang berkaitan dengan kerja peribadi adalah tidak dikira sebagai kerja diluar waktu bekerja biasa.</p> <p>Pastikan peraturan-peraturan yang dimaksudkan dalam tuntutan Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa bagi Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar ini dipatuhi seperti yang dimaksudkan.</p>	Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 4 Tahun 2010 Ruj: KKM/87/P2-1/10010. Jld.2 (19) bertarikh 16/03/2010

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN ELAUN KERJA DI LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB) BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 3/7

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	<p>Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Pakar</p>	<p>Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa kepada Pegawai-pegawai Perubatan Latihan Siswazah, Pegawai Perubatan (termasuk Pakar Perubatan) dan Pegawai Pergigian (termasuk Pakar Pergigian) yang diarah menjalankan tugas atas panggilan selepas waktu bekerja biasa, dibayar mengikut peraturan waktu bekerja biasa.</p> <p>KETUA JABATAN</p> <p>Bermakna Pengarah Kesihatan Negeri, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan/Pergigian), Pengarah Hospital, Ketua Jabatan di Hospital, Pegawai Kesihatan atau Pegawai Pergigian Daerah/Bahagian.</p> <p>Pegawai Perubatan semasa bertugas Active Call ialah Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 15 jam secara berterusan.</p> <p>Pegawai Perubatan semasa bertugas Passive Call ialah Pegawai Perubatan yang diarah menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa hendaklah seboleh-bolehnya tinggal didalam kawasan Klinik Kesihatan Pergigian ataupun di stesen yang sama iaitu dalam lingkungan 33 km dari tempat bertugas / tidak lebih dari ½ jam perjalanan bagi memudahkan pakar dipanggil bertugas.</p>	<p>Surat Edaran Bahagian Akaun Bil.5 Tahun 2014</p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN ELAUN KERJA DI LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB) BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 4/7

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Pakar	<p>1.0 Pastikan Tuntutan EKLWBB diterima dan dokumen sokongan disertakan :</p> <p style="padding-left: 20px;">1.1 Borang tuntutan EKLWBB</p> <p style="padding-left: 20px;">1.2 Salinan Jadual Tugas Kerja (Roster) Di Luar Waktu Kerja Biasa yang disahkan</p> <p style="padding-left: 20px;">1.3 Salinan Kad Perakam Waktu yang lengkap dengan maklumat keluar / masuk pejabat / Buku Daftar Kedatangan yang telah disahkan</p> <p style="padding-left: 20px;">1.4 Salinan penyata cuti Pegawai Perubatan / Pegawai Perubatan Pakar</p> <p style="padding-left: 20px;">1.5 Salinan Kad Pengenalan dan Penyata Akaun Bank yang disahkan bagi pegawai yang baru pertama kali membuat tuntutan</p> <p>2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut :</p> <p style="padding-left: 20px;">2.1 Tuntutan hendaklah disempurnakan dalam tahun kewangan.</p> <p style="padding-left: 20px;">2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan dan semasa adalah mencukupi.</p> <p>Sekiranya syarat AP58 (a) tidak dipatuhi, pastikan, surat kelulusan Perbendaharaan disertakan.</p>	<p>Lampiran A</p> <p>Arahan Perbendaharaan 58 (a)</p>

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN ELAUN KERJA DI LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB) BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 5/7

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan																
	Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Pakar	<p>3.0 Memastikan pegawai yang menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa mematuhi peraturan yang disediakan. Ketua Jabatan haruslah menetapkan bilangan pegawai yang bertugas active call dan passive call mengikut keperluan dan beban kerja.</p> <p>4.0 Kadar tuntutan bagi Elaun Kerja Waktu Bekerja Biasa yang telah di luluskan oleh kerajaan adalah seperti berikut:</p> <p>KADAR (RM/SEMALAMAN)</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-left: 20px;"> <thead> <tr> <th style="width: 5%;">Bil</th> <th style="width: 35%;">Deskripsi tugas</th> <th style="width: 20%;">Pegawai Perubatan Pakar (RM)</th> <th style="width: 20%;">Pegawai Perubatan (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>i) Panggilan Aktif (Active Call)</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td>a) Hari bekerja penuh & hari bekerja separuh.</td> <td style="text-align: center;">230</td> <td style="text-align: center;">200</td> </tr> <tr> <td></td> <td>b) Hari cuti mingguan & hari hari cuti am</td> <td style="text-align: center;">250</td> <td style="text-align: center;">220</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Deskripsi tugas	Pegawai Perubatan Pakar (RM)	Pegawai Perubatan (RM)	1.	i) Panggilan Aktif (Active Call)				a) Hari bekerja penuh & hari bekerja separuh.	230	200		b) Hari cuti mingguan & hari hari cuti am	250	220	
Bil	Deskripsi tugas	Pegawai Perubatan Pakar (RM)	Pegawai Perubatan (RM)																
1.	i) Panggilan Aktif (Active Call)																		
	a) Hari bekerja penuh & hari bekerja separuh.	230	200																
	b) Hari cuti mingguan & hari hari cuti am	250	220																

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN ELAUN KERJA DI LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB) BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 6/7

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak				Rujukan
	Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Pakar	Bil	Deskripsi tugas	Pegawai Perubatan Pakar (RM)	Pegawai Perubatan (RM)	
		2.	i) Panggilan Pasif (passive call): a) Hari bekerja penuh & hari bekerja separuh. b) Hari cuti mingguan & hari cuti am.	 150 160	 130 140	
			ii) Panggilan Pasif (Passive Call): a) Hari bekerja penuh & hari bekerja separuh. b) Hari cuti mingguan & hari cuti am.	 100 105	 80 85	

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN ELAUN KERJA DI LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB) BAGI PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERUBATAN PAKAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKA SURAT : 7/7

Bil.	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa Bagi Pegawai Perubatan/ Pegawai Perubatan Pakar	<p>5.0 Pastikan pegawai tidak menuntut kedua-kedua bayaran antara EKLWBB dan Bayaran Insentif Kerja Selepas Waktu Pejabat atau Pembedahan Elektif dibuat pada tarikh yang sama dengan EKLWBB.</p> <p>6.0 Semasa <i>on-call</i>, pegawai perubatan pakar tidak dibenarkan melakukan tugas lokum.</p> <p>7.0 Pakar daripada IPTA/ IPTS juga dibenarkan untuk melakukan tugas <i>on-call</i> seperti yang diperuntukkan dalam perjanjian persefahaman (MOA) yang ditandatangani dan dibayar elaun.</p> <p>8.0 Pastikan kod objek lanjut yang digunakan di dalam SG20 untuk Elaun EKLWBB 1208.</p> <p>Pastikan kod objek lanjut yang digunakan adalah B0114103 untuk EKLWBB</p>	Surat Pekeliling Akauntan Negara Bilangan 10 Tahun 2017 - Carta Akaun Asas Akruan

	BIL. HARI	PEGAWAI PERUBATAN		PEGAWAI PERUBATAN PAKAR	
		RM	RM	RM	RM
<p>1. Panggilan Aktif (Active Call) Bertugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 15 jam secara berterusan pada :</p> <p>(a) Hari Bekerja</p> <p>(b) Hari Cuti Mingguan dan Cuti Umum</p>		x 200	=	x 230	=
		x 220	=	x 250	=
<p>2. Panggilan Pasif (Passive Call) Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas melebihi 4 jam pada:</p> <p>(a) Hari Bekerja</p> <p>(b) Hari Cuti Mingguan dan Cuti Umum</p>		x 130	=	x 150	=
		x 140	=	x 160	=
<p>3. Panggilan Pasif (Passive Call) Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas kurang 4 jam atau tidak dipanggil bertugas pada :</p> <p>(a) Hari Bekerja</p> <p>(b) Hari Cuti Mingguan dan Cuti Umum</p>		x 80	=	x 100	=
		x 85	=	x 105	=
JUMLAH TUNTUTAN					

Butiran Tugas bagi Tuntutan "Passive Call" Melebihi 4 Jam

Tarikh	Nama Pesakit	No. Pendaftaran Pesakit	Jangka masa Bertugas	Diagnosa & Rawatan	Catatan

BAHAGIAN C : PENGESAHAN PEGAWAI YANG MENUNTUT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa Tuntutan Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) seperti maklumat yang disediakan adalah betul dan telah dilaksanakan oleh saya. Tiada Tuntutan Bayaran Insentif Kerja Selepas Waktu Pejabat (BIKSWP) dan Pembedahan Elektif (BIPEHS) telah dibuat pada tarikh yang sama dengan tuntutan EKLWBB ini.

Tarikh: _____

Tandatangan & Cop
Pegawai

BAHAGIAN D : PENGESAHAN KETUA JABATAN

Dengan ini saya mengesahkan bahawa pegawai telah menjalankan Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) seperti yang diarahkan. Tuntutan dan dokumen yang disertakan adalah betul.

Tarikh: _____

Tandatangan & Cop Ketua
Jabatan

BAHAGIAN E : SENARAI SEMAK

- 1. Salinan kad perakam waktu yang disahkan.
- 2. Salinan Jadual Tugas (Roster) EKLWBB yang disahkan.
- 3. Salinan Jadual Tugas (Roster) BIKSWP & Pembedahan Elektif yang disahkan.
- 4. Salinan Kad Pengenalan & Buku Bank yang disahkan (bagi tuntutan kali pertama)

